

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 28 JULAI 2017

MUKA SURAT: 13

Guan Eng tunggu penjelasan dua PBT

PULAU PINANG 27 Julai - Ketua Menteri, Lim Guan Eng akan membuat kenyataan berhubung dakwaan dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini menerima anugerah palsu daripada Europe Business Assembly (EBA) selepas mendapat laporan penuh mengenainya daripada kedua-dua PBT berkenaan.

Buat masa ini katanya, beliau masih menunggu laporan itu daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Ketika ini Datuk Bandar, Datuk Maimunah Mohd. Sharif sedang menghadiri seminar di Manila, Filipina, jadi kita tunggu sehingga beliau pulang dan membuat penjelasan berhubung perkara ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam, beberapa akhbar Cina mempersoal status anugerah yang diterima MBPP dan MPSP daripada EBA pada 2013 dan 2014 memandangkan terdapat laporan antarabangsa yang mendakwa mana-mana organisasi boleh membeli anugerah daripada badan berkenaan.

Pendedahan itu juga ekoran kenyataan yang dibuat media The Times di United Kingdom yang menafikan EBA mempu-

nyai kaitan dengan Universiti Oxford seperti diiklankan, malah menegaskan organisasi itu ditubuhkan ahli perniagaan dari Ukraine yang menjual anugerah palsu membabitkan keuntungan berjuta-juta pound.

Malah, media itu juga mendakwa EBA secara aktif menjual anugerah tersebut dengan menyasarkan syarikat dan organisasi dari negara dunia ketiga.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Lalu lintas dan Tebatan Banjir negeri, Chow Kon Yeow dalam satu kenyataan semalam melahirkan rasa kesal dengan laporan yang mengaitkan kedua-dua PBT berkenaan dengan kontroversi anugerah EBA tersebut.

Tanpa menjawab desakan sama ada terdapat bayaran dibuat kepada EBA bagi anugerah yang diterima MBPP dan MPSP, Kon Yeow sebaliknya mengingatkan supaya kedua-dua PBT berkenaan lebih berhati-hati dengan pencalonan daripada pihak antarabangsa.

Malah, MBPP dalam satu kenyataan semalam menjelaskan pihaknya sudah memohon penganjur mengesahkan semula pengiktirafan yang diberikan kepada PBT berkenaan.